

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 08 Jun 2021 12:25
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Syawal Bakal Berlalu, Pelajar Kekal Tenang Berjauhan Dari Keluarga



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia


8 JUN 2021 / 27 SYAWAL 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: H. Rasidah H.Rodzi
Gambar oleh: UUM SELECT dan Shamsaimi Ezil

SYAWAL BAKAL BERLALU, PELAJAR KEKAL TENANG BERJAUHAN DARI KELUARGA



UUM ONLINE: Hanya beberapa hari sahaja lagi Syawal akan meninggalkan kita dan perasaan pilu tidak dapat beraya bersama keluarga semestinya masih dirasai pelajar yang tidak dapat pulang ke rumah masing-masing demi menjaga keselamatan ahli keluarga dari penularan Covid-19.

Pelajar, Muhammad Syafiq Abd Rahim berkata, tahun ini merupakan kali kedua dia menyambut raya di kampus meskipun berasal dari negeri Kedah.

Menurutnya, raya tetap raya cuma suasana dan emosi sangat berbeza berikutan penularan Covid-19 yang memaksa semua untuk berhati-hati dan tidak berkunjung pada hari raya.

Basyirah Mohamad Ridzuan yang berasal dari Pulau Pinang pula berkata, "Kali pertama beraya bersama kawan-kawan di kampus ibarat di perantauan.

"Ini satu pengalaman berharga kerana berpeluang beraya dengan kawan-kawan di sini tetapi pada masa sama tetap rinduan keluarga di hari raya," katanya.

Pelajar dari Pahang, Farouk Baqi Zahid berkata, walaupun sedih kerana tidak dapat pulang ke kampung halaman sempena hari raya, dia tetap gembira beraya di UUM bersama rakan dan raya tahun ini akan menjadi kenangan yang tidak dapat lupakan.

Selain itu, pelajar Persatuan BPLB (THINKERS), Nur Aisyah Amran tetap akur dengan arahan kerajaan bagi memutuskan rantai wabak Covid-19 dengan tidak pulang ke kampung halaman untuk menyambut lebaran, malah dia kekal berada di kampus meskipun tanpa keluarga.

"Sejujurnya saya rasa amat sayu dan sedih. Perasaan yang bercampur baur. Namun, kemeriahan Aidilfitri tetap terasa dengan kehadiran kawan-kawan rapat di UUM.

"Pada saya, raya kali ini merupakan pengalaman yang paling unik kerana pertama kali beraya di perantauan. Raya ini dapatlah saya merasai perasaan orang yang tidak dapat balik kampung beraya seperti iklan raya di televisyen," katanya.

Pelajar tahun 3 dari Bangi, Selangor, Kharuqistina Khairi Khalid berkata, walaupun sedih tidak dapat beraya bersama keluarga tetapi dapat bersama kawan-kawan di UUM, suasana raya terasa meriah.

Hari raya yang disambut serba sederhana dengan mematuhi SOP memberi kesedaran bahawa semua pihak tiada kompromi dan tidak boleh alpa bagi memutuskan rantai Covid-19.

